

Headline	Kampung Sempadan lokasi pemeriksaan dan kawalan kualiti perabot eksport		
MediaTitle	Utusan Borneo Sarawak		
Date	13 Feb 2018	Color	Full Color
Section	News	Circulation	45,554
Page No	17	Readership	136,662
Language	Malay	ArticleSize	412 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,672
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 8,015



**BANTUAN:** Mangsa kebakaran Abdul Rahim Seman, 40, bersama anggota keluarga menerima kunci rumah pada majlis penyerahan Kunci Rumah Program Strategi Lautan Biru Kebangsaan ke-7 (NBOS7) Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan di Kampung Teris, Lanchang, semalam. — Gambar Bernama

## Kampung Sempadan lokasi pemeriksaan dan kawalan kualiti perabot eksport

**TEMERLOH:** Kampung Sempadan yang terletak kira-kira 40 kilometer dari bandar Temerloh bakal menjadi lokasi pemeriksaan dan kawalan kualiti kepada perabot nasional sebelum dieksport ke luar negara.

Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan Kebudayaan Pahang Datuk Seri Mohd Sharkar Shamsuddin berkata pemilihan Kampung Sempadan sebagai hab perabot nasional yang akan diselenggarakan oleh Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) akan memacu perkembangan ekonomi Lanchang.

"Kewujudan hab perabot nasional juga bakal menyediakan sehingga 10,000 peluang pekerjaan baharu kepada penduduk setempat termasuk yang menerima limpahan ekonomi seperti kedai makan dan sebagainya.

"Kita berharap Lanchang akan menjadi seperti Pekan yang dahulunya sebuah daerah kecil kini tapi sekarang dikenali sebagai pusat automotif di Pahang. Ini menguntungkan

penduduk di situ menerusi pembinaan lebih banyak infrastruktur," katanya.

Mohd Sharkar berkata demikian pada sidang media selepas menghadiri Majlis Penyerahan Rumah Program Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) ketujuh di Kampung Teris, Lanchang di sini semalam kepada Abdul Rahim Seman, 30, yang kehilangan rumah akibat kebakaran pada 29 Mac 2017.

Turut hadir ialah Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Datuk Seri Wan Mohd Nor Ibrahim dan Pengarah JBPM Pahang Datuk Abdul Wahab Md Yassin.

Pada perkembangan lain, Mohd Sharkar yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Lanchang berkata sebuah jambatan baharu akan dibina bersebelahan Jambatan Temerloh yang menyeberangi Sungai Pahang bagi menampung peningkatan aliran trafik.

"Pertambahan penduduk di Temerloh menyebabkan

jambatan sedia ada sesak khususnya pada waktu puncak kerana orang ramai memasuki bandar atau ke hospital di seberang sungai.

"Sedangkan jambatan sedia ada hanya dua laluan dan keadaan bertambah rumit jika ada ambulans perlu melalui jambatan atau berlaku kemalangan di atas jambatan," katanya.

Selain itu, Mohd Sharkar menambah beliau juga telah mengemukakan permohonan supaya sebuah balai bomba dibina di Lanchang memandangkan balai terdekat setakat ini terletak di Mentakab dan Karak.

"Kita sudah ada kawasan sesuai untuk dipertimbangkan dan berharap ia dapat disejajarkan kerana balai sedia ada mengambil masa sekitar 15 minit untuk sampai ke Lanchang jika berlaku kecemasan.

"Sedangkan semasa kebakaran, kehilangan nyawa dan kerugian harta benda boleh diminimumkan jika bantuan tiba pada saat awal kejadian," katanya. — Bernama